



[Experts](#)

Manifestasi Daulat dan Kedaulatan dalam Melestarikan Falsafah Pemerintahan serta Kontrak Sosial melalui Istiadat Pertabalan Raja-Raja Melayu

26 December 2025

Gema nobat yang memecah keheningan balairung seri merupakan sebuah naskhah sejarah yang sedang berbisik ke telinga zaman. Istiadat pertabalan Raja-Raja Melayu bukanlah sekadar upacara kaku yang diwarisi secara turun temurun tanpa makna, malah ia merupakan sebuah teater agung ketamadunan yang mempamerkan falsafah pemerintahan, kontrak sosial, serta roh kebangsaan sesuatu bangsa yang berdaulat. Tatkala dunia sedang berhadapan dengan kecelaruan nilai dan krisis identiti yang meruncing, tindakan menyelami makna sebenar di sebalik istiadat ini ibarat mencari penawar bagi jiwa bangsa yang kian kehilangan pedoman. Keindahan yang terpancar bukan hanya pada gemerlap emas atau persalinan sutera, tetapi terletak pada lapisan hikmah yang mendasari setiap gerak dan susunan adat tersebut.

Konsep *Zillullah fi al alam* yang membawa maksud bayangan Tuhan di muka bumi sering kali disalahertikan sebagai pemberian kuasa mutlak tanpa batas. Sebenarnya, jika dirujuk kepada naskhah klasik seperti *Taj al Salatin*, konsep ini dirangka dengan beban tanggungjawab yang lebih berat daripada gunung. Seorang Sultan yang memegang amanah sebagai bayangan Tuhan wajib mencontohi sifat Maha Pencipta yang bersifat adil, penyayang, mengetahui, dan memelihara seluruh makhluk. Nilai kepimpinan ini tetap relevan bagi negara moden kerana ia menegaskan bahawa kekuasaan bukanlah alat untuk bermegah, tetapi merupakan instrumen suci untuk berkhidmat kepada rakyat. Prinsip ini selari dengan sistem Raja Berperlembagaan yang kita amalkan sekarang, di mana kuasa diimbangi oleh kewajipan dan kedaulatan diikat erat oleh peraturan yang saksama. Nobat yang hanya dibenarkan berbunyi bagi mengiringi Sultan yang sah merupakan sebuah metafora yang amat indah. Ia melambangkan bahawa hanya autoriti yang diiktiraf secara sah sahaja layak mengeluarkan arahan serta memimpin masyarakat. Bunyi nobat yang mendahului setiap upacara istiadat mengingatkan seluruh warga bahawa setiap tindakan pemerintah mestilah didahului dengan kesahihan serta hikmah yang mendalam. Kepatuhan rakyat kepada kepimpinan yang sah bukanlah sesuatu yang dipaksa secara membuta tuli, melainkan melalui proses yang diatur secara tertib dan penuh kehormatan.

Senjata tradisional seperti Keris Panjang dan Keris Pendek pula membawa falsafah keseimbangan antara ketegasan dengan kasih sayang dalam pemerintahan. Keris Panjang yang menjadi lambang kedaulatan menuntut ketegasan dalam mempertahankan maruah negara, manakala Keris Pendek sebagai simbol keadilan menuntut kebijaksanaan dalam menyelesaikan setiap permasalahan rakyat. Pemerintahan yang berjaya memerlukan kedua dua unsur ini secara serentak agar undang-undang dapat ditegakkan dengan wibawa tanpa mengabaikan aspek humanisme dan belas kasihan. Keadilan sosial hanya akan tercapai apabila pemerintah mampu mengayunkan wibawa dan kasih sayang secara seimbang.

Cogan Alam yang dipacak teguh ke bumi saat pertabalan berlangsung memberikan simbolik bahawa kuasa pemerintahan berakar umbi pada tanah air dan dikhaskan untuk rakyat yang mendiaminya. Pancaran bintang sebelas pada alat kebesaran ini mengingatkan kita kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka yang berjaya menyatukan pelbagai negeri di bawah satu payung kedaulatan. Pengajaran utama bagi negara moden melalui simbol ini adalah kepentingan bagi sesebuah kerajaan untuk bertapak kukuh dalam realiti tempatan serta memahami denyut nadi rakyat demi menyatukan kepelbagaian yang wujud.

Tengkolok Sembah Berkait yang dipakai dengan penuh tertib melambangkan lapisan perjanjian suci

antara Raja dengan rakyat. Setiap lipatan yang dihasilkan oleh tangan mahir Tukang Seri Mahkota bukanlah sekadar hiasan kepala, tetapi merupakan manifestasi dokumen perjanjian yang hidup dalam bentuk kain yang murni. Pemakaian alat kebesaran ini membuktikan bahawa kepimpinan dan rakyat terikat dalam sebuah kontrak sosial yang saling menghormati. Rakyat menyerahkan taat setia mereka manakala pemerintah pula membalas dengan jaminan perlindungan serta keadilan yang menyeluruh.

Istiadat mengadap serta sumpah baiah yang dijalankan merupakan upacara pembaharuan kontrak antara pihak yang memerintah dengan pihak yang diperintah. Kehadiran para pembesar yang mewakili setiap lapisan masyarakat untuk menyembah dan bersumpah taat setia bukan sekadar ritual kosong. Sultan yang menerima sumpah tersebut sebenarnya sedang menggalas janji tersirat untuk memerintah dengan penuh keadilan dan saksama. Proses ini mempunyai persamaan dengan amalan demokrasi moden seperti pilihan raya dan sumpah jawatan, di mana mandat rakyat diberikan kepada pemimpin yang berjanji untuk memikul amanah dengan jujur.

Istilah daulat yang sering dianggap sebagai sesuatu yang mengongkong sebenarnya berfungsi sebagai mekanisme kestabilan dalam struktur sosial bangsa. Pada zaman dahulu, konsep ini mencegah berlakunya anarki dan kekacauan dalam masyarakat. Bagi negara Malaysia yang moden, daulat diterjemahkan sebagai kewibawaan institusi yang perlu dihormati oleh semua pihak. Perbuatan derhaka pula dilihat sebagai pengkhianatan terhadap perlembagaan serta kedaulatan undang-undang yang telah dipersetujui bersama. Kesedaran ini membawa rakyat untuk menghormati institusi yang menjamin keharmonian tanpa perlu merasa terancam atau takut secara tidak rasional.

Kepelbagaian adat seperti Adat Lapan Belas dan Adat Dua Belas yang diamalkan di negeri-negeri berbeza membuktikan kelenturan serta kebijaksanaan tradisi Melayu. Walaupun setiap negeri mengadaptasi sistem pemerintahan berdasarkan struktur sosial yang unik, teras utamanya tetap sama iaitu pemerintah memerlukan mandat daripada wakil semua kelompok rakyat. Realiti ini sangat relevan dengan sistem federalism Malaysia yang membenarkan identiti negeri dikekalkan sambil bersama sama membina sebuah identiti kebangsaan yang bersatu padu.

Pertabalan Sultan secara keseluruhannya berfungsi sebagai sebuah sekolah kenegaraan yang paling lengkap untuk mendidik masyarakat. Upacara ini mengajar kita bahawa kepimpinan yang sah perlu melalui proses yang diatur secara teliti, kuasa perlu diimbangi dengan tanggungjawab, dan kedaulatan perlu dipelihara oleh semua pihak tanpa kecuali. Laungan Daulat Tuanku yang bergema bukan sekadar kata-kata semangat, tetapi merupakan ikrar bersama untuk mempertahankan sebuah sistem yang menjamin keadilan, kestabilan, serta maruah bangsa. Warisan bijaksana ini kekal menjadi kompas yang menunjukkan arah bagi sebuah negara yang ingin terus maju tanpa meninggalkan jati diri asalnya.



Oleh: Mohammad Baihaqi Hasni

E-mel: baihaqi@umpsa.edu.my

Penulis adalah Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 60 views

[View PDF](#)